

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai M-Zahra Motor Takaful. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Ini adalah Takaful Kenderaan Persendirian Komprehensif yang memberikan perlindungan kepada kenderaan anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan akibat kemalangan, kebakaran atau kecurian serta liabiliti kepada pihak ketiga untuk kematian atau kecederaan badan dan kerugian atau kerosakan harta benda.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

1. **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar daripada Dana Takaful Am (“DTA”) adalah berdasarkan Hibah. Sebahagian lebihan boleh dibahagikan yang dikreditkan ke dalam DTA akan diagihkan kepada peserta yang layak dalam bentuk pulangan tunai berdasarkan Hibah.
2. **Ju’alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang Berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] (“Kami”, atau “Takaful Malaysia”) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
3. **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
4. **Tabarru’** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru’ berkuat kuasa apabila peserta menyumbang kepada DTA.
5. **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

- A. Kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan anda disebabkan oleh kemalangan, kebakaran atau kecurian.
- B. Liabiliti anda atau liabiliti pemandu yang diberi kuasa terhadap pihak ketiga bagi:
 - i. Kecederaan tubuh badan dan kematian; dan
 - ii. Kerugian atau kerosakan harta benda

Di samping itu, pemandu dan penumpang di dalam kenderaan yang dinamakan berhak mendapat manfaat Kemalangan Peribadi Percuma sebanyak RM15,000 setiap orang sekaligus. Produk ini juga menyediakan program bantuan bahu jalan 24/7 dengan perkhidmatan tunda percuma sehingga 50km.

Manfaat pilihan lain dengan pembayaran sumbangan tambahan:

	Manfaat Tambahan	Perihal Perlindungan
a.	Perlindungan untuk Cermin Kenderaan	<p>Manfaat ini melindungi kos penggantian atau pembaikan sebarang kaca di cermin depan, tingkap atau pelindung matahari kenderaan anda yang rosak akibat kemalangan, termasuk kos filem laminasi / penapis haba (jika ada).</p> <p>Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) anda tidak akan terjejas sekiranya menyertai perlindungan tambahan ini.</p>
b.	Motor PA Plus	<p>Manfaat ini menyediakan manfaat tambahan kepada pemandu dan penumpang yang dalam perjalanan dengan menaiki kenderaan anda terhadap kematian atau keilatan kekal akibat kemalangan jalan raya serta khidmat tunda akibat kerosakan tanpa had sehingga had maksimum yang dipilih. Ini adalah tambahan kepada Kemalangan</p>

		<p>Peribadi Percuma bernilai RM15,000 bagi setiap Orang yang Dilindungi dan 50km khidmat tunda akibat kerosakan.</p> <p>Anda boleh memilih mana-mana pelan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelan 1 - RM20,000 Perlindungan PA untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan sehingga 100km ▪ Pelan 2 - RM30,000 Perlindungan PA untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan sehingga 200km ▪ Pelan 3 - RM40,000 Perlindungan PA untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan sehingga 300km ▪ Pelan 4 - RM85,000 Perlindungan PA untuk Pemandu & Penumpang dan khidmat tunda akibat kerosakan dan kemalangan tanpa had maksimum di Semenanjung Malaysia manakala di Malaysia Timur sehingga 1000km.
c.	Kemasukan Peril Khas	<p>Manfaat ini melindungi kenderaan anda dari kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh bencana semula jadi seperti banjir, ribut, taufan, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh atau mendapan.</p>
d.	Khidmat Tunda dan Pembersihan kerana Kerosakan disebabkan Air	<p>Manfaat ini membayar balik perbelanjaan sebenar yang anda keluarkan sehingga had maksimum dipilih terhadap kerosakan air akibat banjir, banjir kilat, limpahan saluran air, longkang, sungai atau lumpur yang memerlukan tundaan dan pembersihan. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali dalam tempoh perlindungan.</p> <p>Anda boleh memilih had manfaat daripada pelan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelan 1 – RM1,000 ▪ Pelan 2 – RM2,000 ▪ Pelan 3 – RM3,000
e.	Pampasan untuk Tempoh Pembaikan yang Dianggarkan (CART)	<p>Manfaat ini membayar pampasan akibat kerugian penggunaan kenderaan anda berdasarkan penilaian pelaras kerugian mengenai masa yang diperlukan untuk pembaikan akibat kemalangan (sehingga 21 hari x RM200).</p>
f.	Penggantian Kunci	<p>Manfaat ini membayar balik 80% kos penggantian kunci kereta anda sehingga had maksimum yang dipilih. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali dalam tempoh perlindungan.</p> <p>Anda boleh memilih had manfaat daripada pelan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelan 1 – RM750 ▪ Pelan 2 – RM1,500 ▪ Pelan 3 – RM3,000
g.	Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang	<p>Manfaat ini melindungi anda terhadap liabiliti undang-undang untuk kematian atau kecederaan tubuh badan penumpang (kecuali ahli keluarga) akibat kecuaian pemanduan anda.</p> <p>Perlindungan ini adalah wajib sekiranya memandu kereta anda di Singapura.</p>
h.	Liabiliti Undang-undang akibat Kecuaian Penumpang	<p>Manfaat ini melindungi anda terhadap liabiliti undang-undang untuk kematian atau kecederaan badan kepada pihak ketiga atau kerosakan harta benda pihak ketiga disebabkan oleh kecuaian penumpang anda (contoh - penumpang di dalam kereta anda telah membuka pintu dan menyebabkan kecederaan kepada pejalan kaki atau merosakkan kereta dibelakang).</p>
i.	Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam	<p>Manfaat ini melindungi kenderaan anda daripada kehilangan atau kerosakan yang disebabkan secara langsung oleh orang yang terlibat dalam mogok, rusuhan atau gangguan ketenteraman awam.</p>

Nota:

- 1) Adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa mempunyai perlindungan liabiliti penumpang bagi kenderaan anda.
- 2) Sekiranya jumlah Orang yang Dilindungi pada waktu kejadian melebihi jumlah kapasiti tempat duduk yang dinyatakan dalam Kad Pendaftaran Kenderaan, had liabiliti kami bagi setiap orang akan dikurangkan dengan nisbah jumlah penumpang yang dinyatakan dengan jumlah sebenar penumpang. Orang yang Dilindungi bermaksud pemandu dan / atau penumpang kereta Anda.
- 3) Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui Sijil anda setiap tahun.
- 4) Sila rujuk Sijil untuk senarai penuh perlindungan / manfaat di bawah produk ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ([TIPS](#)) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?

Sumbangan yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada kelayakan NCD, manfaat pilihan dan faktor penarafan kami seperti jumlah perlindungan, umur kenderaan, buatan dan model kenderaan serta umur pemandu.

Sumbangan untuk beberapa manfaat pilihan adalah seperti di bawah:

	Manfaat Tambahan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
a.	Motor PA Plus	RM20	RM30	RM40	RM85
b.	Khidmat Tundaan dan Pembersihan akibat Kerosakan Air	RM20	RM35	RM45	-
c.	Penggantian Kunci	RM20	RM30	RM50	-

Contoh:

Sumbangan kasar bagi kereta persendirian baharu dengan jumlah dilindungi RM50,000.00* dan 1500 cc.

Perlindungan komprehensif	RM 1,552.50
Tolak: Kelayakan NCD – 25%	(RM 388.13)
Perlindungan tambahan - Kerosakan Cermin sehingga RM800.00	RM 120.00
Motor PA Plus – (Pelan 1)	<u>RM 20.00</u>
Sumbangan Kasar	<u><u>RM1,304.37</u></u>

Anggaran sumbangan kasar yang perlu dibayar adalah RM1,304.37 tidak termasuk Cukai Perkhidmatan dan Setem Duti.

*Jumlah perlindungan ini adalah berdasarkan kepada nilai pasaran semasa kenderaan dengan merujuk kepada pangkalan data penilaian kenderaan ISM ABI.

Nota: Contoh di atas adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	30% daripada sumbangan yang mana: - Komisen – 10% (jika berkenaan) - Perbelanjaan Lain – 20%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% dari sumbangan dibayar

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?
a) Tanggungjawab Pendedahan Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk

mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Menurut Perenggan 4(1) daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma terpakai dan apa-apa perkara yang seseorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai relevan, jika tidak, ia boleh mengakibatkan pengelakan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga masa kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda telah dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

- b) **Nilai Pasaran Kenderaan** - Anda perlu memastikan supaya kenderaan anda dilindungi pada amaun yang sesuai iaitu nilai pasaran semasa kenderaan. Kegagalan untuk melindungi berdasarkan kepada Nilai Pasaran semasa kenderaan boleh mempengaruhi penjelasan tuntutan kerana "Klaus Purata" (bayaran tertakluk kepada purata) akan diguna pakai di mana amaun bayaran yang akan ditawarkan lebih rendah daripada amaun perlindungan.
- c) **Lebihan** - Jumlah kerugian pertama yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan seperti yang dinyatakan dalam e-Jadual.
- d) **Tunai sebelum perlindungan** - Sumbangan penuh perlu dibayar kepada kami atau ejen sah yang mewakili kami sebelum perlindungan boleh diberikan. Anda dinasihatkan untuk membayar sumbangan kepada kami melalui ejen kami yang diberi kuasa sama ada secara tunai, kad kredit, kad debit, pembayaran elektronik lain atau cek (cek hendaklah dibuat hanya atas nama Syarikat).
- e) **Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan** - Jika kenderaan anda terlibat dalam kemalangan, anda perlu menghantar kenderaan yang rosak ke:
 1. Bengkel pembaikan kenderaan yang terdapat dalam senarai bengkel yang diluluskan oleh kami;
 2. Bengkel pembaikan kenderaan yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Pembaiki Diluluskan PIAM (PARS); atau
 3. Mana-mana pembaiki lain yang telah kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan.
- f) **Prosedur Tuntutan** - Jika berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai terma dan syarat yang lengkap bagi produk ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi Produk ini?

Produk ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- i) Liabiliti terhadap tuntutan oleh penumpang kenderaan anda kecuali ianya dilindungi melalui endorsmen yang berasingan; atau
- ii) Kerugian daripada penggunaan kenderaan anda; atau
- iii) Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada kejadian semula jadi seperti banjir, rebut atau tanah runtuh kecuali ianya dilindungi melalui endorsmen yang berasingan.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak menerima sebahagian bayaran balik sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda mengemaskini portal *myTakaful Customer* atau memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Takaful Motor, anda boleh merujuk kepada laman web, hubungi mana-mana cawangan atau ejen kami. Anda juga boleh merujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* berkaitan 'Takaful Motor', yang boleh didapati di cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483,
50746 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300 88 252 385
Faks: 603 - 2274 0237
Emel: csu@takaful-malaysia.com.my
Laman Web: www.takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila rujuk kepada laman web, cawangan atau ejen kami untuk mendapat maklumat mengenai perlindungan lain yang sama yang boleh didapati.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DILINDUNGI DENGAN JUMLAH YANG SEPATUTNYA. JIKA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEJELAKAN TUNTUTAN KEPADA KAMI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah sah pada Mac 2024.